



Pendebat UIAM, dari kanan, Naimah Aisyah, Fawza Sabila, Muhamad Khairulanam dan Yoges menerima piala pusingan selepas menjuarai Pertandingan Debat Perpaduan Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2012.

UIAM unggul debat

Serdang: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) meneruskan penguasaan dalam acara debat apabila mencatat kejuaan terbaru pada saingan akhir Pertandingan Debat Perpaduan Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2012.

Pertandingan berlangsung di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

UIAM yang diwakili Muhamad Khairulanam Zulkepny, Fawza Sabila Faudzi, Yoges a/p Verasuntharam dan Naimah Aisyah Awaluddin bertindak sebagai kerajaan mengalahkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

selaku pembangkang Mereka membahaskan usul 'Organisasi Bukan Kerajaan Memantapkan Arah Tuju Perpaduan Negara'.

Kemenangan itu melayakkan UIAM membawa pulang hadiah berupa piala pusingan dan iringan, RM7,000, sijil penghargaan dan cenderahati.

USIM yang membariskan Mohd Ikhwan Roseli, Muhamad Shah Izad Saleh, Nurul Husna Seth Abd Rahim Seth dan Muhammad Hafizudin Gasmine pula meraih wang tunai RM5,000, sijil penghargaan dan cenderahati.

Pendebat USIM terbaik USIM bagaimanapun tetap berbangga dengan kemenangan Mohd Ikhwan sebagai Pendebat Terbaik pertandingan akhir sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000, sijil penghargaan dan cenderahati.

Tuan rumah, UPM dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang berjaya sehingga ke peringkat separuh akhir pada pertandingan tahun ini

Kedua-dua pasukan membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000, sijil penghargaan serta cenderahati.

“**HASRAT MUNCUL JUARA AKHIRNYA TERCAPAI SELEPAS PERNAH MEMENANGINYA PADA 2005 DAN 2006**”

Pembahas Harapan Dua pendebat UPM, Muhamad Badri Ishak, Mohd Fikrie Azlan dan pendebat Universiti Teknologi MARA (UiTM), Mohd Ibnu Mohamed pula masing-masing dinobatkan sebagai Pembahas Harapan.

Mereka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai RM500, sijil penghargaan dan cenderahati.

Semua hadiah disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Hadir sama, Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Datuk Azman Amin Hassan.

Debat Perpaduan antara IPT bertemakan Bersatu Kita Maju itu anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Kementerian Pengajian Tinggi, Universiti Putra Malaysia, RTM, Filem Negara Malaysia dan Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM).

Kelab Debat UIAM Mengulas mengenai kemenangan UIAM, Muhamad Khairulanam berkata, kekuatan hujah dan fakta yang jitu selain komitmen menjalani latihan intensif menerusi Kelab Debat universiti antara faktor yang membawa kejayaan pasukan-nya muncul juara.

Biarpun berlangsung sengit, katanya, pasukannya berusaha menampilkan aksi perdebatan terbaik dengan mengemukakan hujah kukuh bagi menyokong usul dan akhirnya kelebihan nyata memihak kepada UIAM.

"Tekanan memang terasa, apatah lagi berdepan dengan Usim yang tidak kurang hebatnya. Namun, pengalaman dan latihan selama ini nyata memberi kelebihan kepada kami untuk melakukan yang terbaik.

"Hasrat muncul juara akhirnya tercapai selepas pernah memenanginya pada 2005 dan 2006 sejak pertandingan itu diadakan lapan tahun lalu," katanya.